

## SOALAN LAZIM

### KAD KREDIT-i PDRM BANK RAKYAT

#### 1) Apakah itu Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat?

Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat ialah Kad Kredit-i yang ditawarkan **KHUSUS** kepada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan warga kerja bukan pengurusan PDRM.

#### 2) Bilakah Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat ditawarkan?

Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat ditawarkan bermula pada 31 Mac 2023.

#### 3) Apakah ciri utama Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat?

Ciri utama Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat adalah seperti berikut:

- i. Reka bentuk kad kredit **ISTIMEWA** bagi anggota PDRM.
- ii. **FI PERKHIDMATAN PENGELUARAN** tunai istimewa sebanyak 1.5% atau minimum RM15 (yang mana lebih tinggi) di mesin juruwang automatik (ATM) atau kaunter Bank Rakyat.

#### 4) Siapakah yang layak untuk memohon Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat?

Anggota PDRM dan wargakerja bukan pengurusan PDRM sahaja yang layak memohon Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat.

#### 5) Apakah jenis kad yang ditawarkan?

Kad Kredit-i yang ditawarkan adalah mengikut pangkat anggota PDRM seperti berikut:

Jenis Kad	Pangkat
Platinum	<b><u>Pegawai Kanan Polis</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Inspektor Jeneral Polis (IG)</li> <li>- Deputy Inspektor Jeneral Polis (DIG)</li> <li>- Komisioner Polis (CP)</li> <li>- Deputy Komisioner Polis (DCP)</li> <li>- Senior Asisten Komisioner Polis (SAC)</li> <li>- Asisten Komisioner Polis (ACP)</li> <li>- Superintenden Polis (SUPT.)</li> <li>- Deputy Superintenden Polis (DSP)</li> <li>- Asisten Superintenden Polis (ASP)</li> <li>- Inspektor (INSP)</li> <li>- Inspektor Percubaan (P/I)</li> </ul>

Emas	<p><b><u>Pegawai Rendah Polis</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <u>Sub-Inspektor (SI)</u></li> <li>- <u>Sarjan Mejar (SM)</u></li> <li>- <u>Sarjan (SJN)</u></li> <li>- <u>Koperal (KPL)</u></li> <li>- <u>Lans Koperal (L/KPL)</u></li> <li>- <u>Konstabel (KONST)</u></li> </ul>
------	---

**6) Adakah pemegang Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat layak menyertai program 8%.GOV.MY?**

Ya, pemegang Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat layak untuk menyertai program 8%.GOV.MY sekiranya permohonan lulus sebelum 31 Ogos 2024.

**7) Saya merupakan anggota PDRM dan pemegang sedia ada Kad Kredit-i Bank Rakyat. Adakah saya boleh memohon Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat?**

Ya, anda boleh memohon Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat melalui kaedah berikut:

Kaedah	Butiran
Pertama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membalas SMS penawaran daripada pihak Bank bagi permohonan penukaran kad *SMS akan dihantar dari semasa ke semasa</li> </ul>
Kedua	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar emel permohonan penukaran kad ke <a href="mailto:kkredit@bankrakyat.com.my">kkredit@bankrakyat.com.my</a> beserta butiran dibawah:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama</li> <li>- Nombor Kad Kredit-i sedia ada</li> <li>- Nombor telefon bimbit</li> <li>- Pangkat</li> </ul> </li> </ul>

**8) Bolehkah saya menikmati kelebihan Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat jika saya telah tamat perkhidmatan sebagai anggota PDRM?**

Jika pemegang kad telah berhenti berkhidmat sebagai anggota PDRM, Bank berhak menggantikan Kad Kredit-i PDRM kepada Kad Kredit-i Emas atau Platinum mengikut kelayakan dan pemegang kad tidak akan menikmati keistimewaan yang ditawarkan untuk Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat.

- 9) **Saya merupakan pemegang Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat. Apakah yang perlu saya lakukan selepas saya berhenti berkhidmat sebagai anggota PDRM?**

Hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 untuk mengemas kini status pekerjaan anda.

- 10) **Bagaimanakah saya boleh memohon atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk Kad Kredit-i PDRM Bank Rakyat ini?**

- a) Layari [brick.bankrakyat.com.my](http://brick.bankrakyat.com.my) (Bank Rakyat BRICK) atau [www.irakyat.com.my](http://www.irakyat.com.my) (iRakyat) bagi permohonan dalam talian; atau
- b) Kunjungi laman web kami di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my); atau
- c) Hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880